

LAMPIRAN 1
KOSMO (NEGARA) : MUKA SURAT 16
TARIKH : 19 APRIL 2018 (KHAMIS)

4 polis ditahan kes jumpa 5 mayat

SEREMBAN – Seorang pegawai kanan dan tiga anggota polis berusia 27 hingga 41 tahun antara yang ditahan polis susulan penemuan cebisan tulang manusia dipercayai milik lima mangsa pembunuhan yang ditanam di dua lokasi di negeri ini pada minggu lalu.



NOOR AZAM

Cebisan tulang serta abu mayat dipercayai milik dua mangsa ditemui ditanam di kawasan estet Batu 8, Jalan Sungai Gadut di Senawang manakala tiga rangka manusia dijumpai dalam satu lubang di Bukit Galena dekat Jalan Mantin di sini masing-masing pada 11 dan 13 April lalu.

Jarak lokasi penemuan sebelum ini dengan lokasi terbaharu adalah sekitar 15 kilometer.

Ketua Polis Negeri Sembilan, Datuk Noor Azam Jamaludin berkata, siasatan mendapati kes pembunuhan itu berlaku pada tahun 2014 hingga 2015 dan ia mempunyai kaitan dengan penahanan 34 ahli kongsi gelap yang disyaki terlibat dalam pelbagai jenayah terancang menerusi Ops Khas Hoben 1/2018 pada 29 Mac hingga 9 April lalu.

Menurut beliau, lebih mengejutkan apabila terdapat penglibatan seorang pegawai dan tiga anggota polis yang bertugas di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Negeri Sembilan dan Pahang dalam kes tersebut.

"Seorang pegawai kanan dan tiga anggota polis itu ditahan pada 6 April lalu mengikut Seksyen 4(5) Akta Kesalahan Ke-



INILAH kubur di mana beberapa mayat manusia ditemui ditanam di kawasan estet Batu 8, Jalan Sungai Gadut, Senawang minggu lalu.



KERATAN Kosmo! 12 April 2018.

selamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 (Sosma) bagi tempoh 28 hari.

"Siasatan lanjut masih diteruskan oleh Jabatan Siasatan Jenayah Negeri Sembilan dengan kerjasama Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman untuk mengenal pasti mangsa-mangsa terlibat.

"Semua tulang itu telah dihantar ke **Jabatan Kimia** untuk dianalisis," kata beliau pada sidang akhbar di IPK Negeri Sembilan di sini semalam.

Noor Azam memaklumkan, sehingga kini polis menahan 39 individu termasuk seorang lelaki yang hadir menyerah diri kepada polis semalam yang mempunyai kaitan dengan Geng 36 serta kes penemuan tulang-tulang berkenaan.

Beliau berkata, polis percaya empat pegawai dan anggota polis yang ditahan itu mempunyai hubungan dengan geng kongsi gelap terbabit berhubung aktiviti pengedaran dadah namun siasatan lanjut masih diteruskan bagi mengenalpasti apakah punca pembunuhan mangsa-mangsa tersebut.

Kosmo! sebelum ini melaporkan, kesemua ahli kongsi gelap Geng 36 itu dibanteras berikutan beberapa siri kes keganasan yang berlaku di Negeri Sembilan seperti membunuh, mendatangkan kecederaan, peras ugut, khianat dengan api dan pengedaran dadah.

Bahasa Melayu mampu jadi penyampai ilmu Sains, Matematik

➔ Tiada kajian, fakta pertikai kesesuaian pembelajaran 2 subjek

Oleh Zuhainy Zulkiffli
bhsastera@bh.com.my

Georgetown

Persoalan kesesuaian bahasa Melayu untuk digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) Sains serta Matematik tidak sepatutnya timbul.

Pengarah Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Datuk Dr Mohd Yusof Othman, berkata mata pelajaran terbabit adalah berkonsepkan pemahaman.

Katanya, ia lebih kepada cara melahirkan insan yang gemar berfikir daripada individu yang suka menggunakan medium teknolo-

gi.

"Tiada sebarang kajian pun yang menegaskan bahasa Melayu tidak mampu digunakan dalam dua subjek itu," katanya pada Ceramah Umum Jawatankuasa Tetap Bahasa Melayu: Keberterimaan Istilah Sains dan Matematik dalam bahasa Melayu di Institut Perguruan Guru (IPG) Kampus Pulau Pinang, di sini.

Yang turut hadir, Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dan Pengerusi Jawatan Kuasa Tetap Bahasa Melayu (JKTBM), Datuk Abdul Adzis Abas dan Pengarah IPG Kampus Pulau Pinang, Khalid Ahmad.

Mohd Yusof berkata, negara seperti Amerika Syarikat (AS), Kanada, Australia dan New Zealand

menggunakan bahasa Inggeris kerana mempunyai kaitan dengan sejarah kolonial Inggeris.

"Negara seperti Perancis, Jerman, Itali dan Switzerland pula masih menggunakan bahasa masing-masing sebagai jati diri.

"Diharapkan kerajaan dapat mengangkat bahasa Melayu ke tahap tersendiri dan jika politik hari ini memecahbelahkan bahasa, ia amat mengecewakan.

Hebat kerana berilmu

"Kita tidak boleh berasa hebat apabila (semata-mata) kita berbahasa Inggeris kerana kehebatan yang sebenar adalah kerana kita berilmu," katanya.

Sementara itu, Abdul Adzis berkata, ceramah itu diharap dapat



Khalid (kiri) menyerahkan cenderahati kepada Abdul Adzis sambil diperhatikan Mohd Yusof selepas Ceramah Umum Jawatankuasa Tetap Bahasa Melayu: Keberterimaan Istilah Sains dan Matematik dalam bahasa Melayu di IPG Kampus Pulau Pinang, Georgetown, baru-baru ini.



Kita tidak boleh berasa hebat apabila (semata-mata) kita berbahasa Inggeris kerana kehebatan yang sebenar adalah kerana kita berilmu"

Mohd Yusof Othman,
Pengarah Institut Islam
Hadhari UKM

memupuk semangat patriotisme dan perpaduan pada peringkat nasional, sekali gus memperluaskan penggunaan bahasa Melayu dalam pelbagai bidang.

"Pada masa sama, bahasa Melayu ini sendiri mempunyai nilai kesusasteraan dan agama yang wajar dipelihara," katanya.

Ceramah dwitahunan anjuran DBP sejak 1999 itu, disertai kira-kira 650 pensyarah dan bakal guru.

Ia bertujuan menyebarkan maklumat mengenai fungsi, peranan dan tanggung jawab JK-TBM.

Hasrat JKTBM juga mahu bakal guru didedahkan dengan Majlis Bahasa Brunei-Indonesia-Malaysia (MABBIM).

LAMPIRAN 3
NEW STRAITS TIMES : MUKA SURAT 18
TARIKH : 19 APRIL 2018 (KHAMIS)



Scientists who work with technology must collaborate with social scientists for inventions to serve human purposes.

IR4.0

Education enables tech to make our lives easier

SINCE the 2000s, 4.0 has been the code to mark the industrial revolution that is based on the use of cyberphysical systems, that is, interacting networks of physical and computational components.

Around the globe, many fields have been affected by the revolution, such as Healthcare 4.0 or Work 4.0.

Even the education sector is moving towards redesigning education for Industry 4.0. This offers opportunities for educators to improve teaching and learning.

The forum on the Fourth Industrial Revolution in Higher Education, organised by the Higher Education Ministry, demon-

strates the need for our education system to respond to this revolution. Speakers and academics shared insights into how higher education should be in the future.

Tencent China vice-president S.Y. Lau listed "integrity" as the main value that all should embrace to ensure a bright future of the world.

Other criteria he listed are high curiosity, collaboration and being proactive. This means we cannot talk about technology without talking of values.

This relates to the question: for whom is technology invented? The answer is humans.

This means education should be designed in such a way that

views knowledge as one. Knowledge should be compartmentalised in silos. By this, I mean knowledge should be interdisciplinary.

Scientists who work with technology must collaborate with social scientists for inventions to serve human purposes.

It is the role of education to enable knowledge, science and technology to solve human problems, untangle complex human issues and make life liveable.

Otherwise, education might just end up being getting the job done.

DR FARHANA SABRI

Universiti Sains Islam Malaysia,
Nilai, Negeri Sembilan

LAMPIRAN 4
THE STAR (EVENTS) : MUKA SURAT 12
TARIKH : 19 APRIL 2018 (KHAMIS)



Surgeons are in full control of the robotic arms, through the console.

(Far left) The robotic arms mimic finger movements to make precise and small cuts.

Robots ideal for surgeries on hard-to-reach areas

ASK ear, nose and throat (ENT) surgeon Dr Ahmad Kusyairi Khalid what superhuman abilities he wished he had, he'd say thinner arms and greater range of motion.

The UiTM Private Specialist Centre ENT surgeon said even a common tonsillectomy (removal of tonsils) procedure can be complex because the tissues involved are small and a surgeon is usually required to reach to the back of

the throat of a patient through the mouth.

"This is where having really thin arms and joints that are able to rotate 360 degrees would help tremendously, but that is not humanly possible," he said.

Dr Kusyairi said surgical technology had advanced so much that doctors leverage on the help of robotic arms and ultra-high definition cameras for complex

minimally invasive surgeries.

"The thin arms with 360-degree rotation capability and ultra-high definition camera view provided better accessibility and greater view," he said.

The thin and flexible robot arms enabled a surgeon to perform a surgery so precise that a normal human hand and eyes could not do. The surgery time was also reduced to 25 minutes

from 40 minutes.

"I believe this procedure will be the breakthrough to other surgeries related to ENT," he added.

Dr Kusyairi also said that with the robot, surgeons were able to remove cancerous tumours without compromising the normal tissue area, adding that the procedure was fairly unknown in Malaysia.

Commenting on the benefits of

robot-assisted surgery to the patients, Dr Kusyairi said it was more precise with smaller incision.

"This means less trauma to the organ that is operated. This will preserve better organ function post-surgery.

"Other than that, smaller incision would result in faster recovery time, less pain, less bleeding and less scarring," he added.

Tandas awam China berteknologi terkini

■ BEIJING 18 APRIL

CHINA kini melalui 'revolusi tandas' yang menyaksikan teknologi terbaharu tandas awam di negara ini yang dilengkapi tandas turbo, WiFi, skrin televisyen dan mesin pengeluaran wang automatik (ATM).

Usaha yang diilhamkan oleh Presiden Xi Jinping bermula pada 2015 itu turut menyaksikan bilik air yang dilengkapi sistem pengedaran muka bagi mengelak pengguna tamak yang mengambil tisu tandas berlebihan.

Akhbar *South Morning China Post* yang dipetik oleh portal *Daily Mail* melaporkan, dua negeri di China telah menggunakan teknologi yang memberi setiap pengguna antara 40 sentimeter sehingga 80 sentimeter tisu tandas selepas muka masing-masing dicam.

Jika pengguna memerlukan lebih tisu tandas daripada jumlah yang diperuntukkan maka mereka perlu menunggu sehingga sembilan minit.

Idea berkenaan bertujuan menghalang orang ramai mengambil banyak tisu dan mencuri sabun, tisu dan tuala tandas



TANDAS awam di China kini dilengkapi teknologi canggih termasuk skrin televisyen. - AGENSI

yang diberikan secara percuma.

Banyak tandas di negara ini yang tidak lagi memperuntukkan tisu tandas berikutan masalah kecurian yang menjadi-jadi.

Beberapa kedai turut memasang alat pengesan yang memberi amaran kepada pembantu kedai jika terdapat individu yang berada dalam tandas lebih daripada 10 minit termasuk butang yang boleh ditekan jika berlaku kecemasan.

Bilik air juga turut menawar-

kan beberapa kemudahan antara WiFi percuma, pengecas telefon bimbit, mesin layan diri dan sistem yang membolehkan pengguna membayar bil utiliti.

Banyak kedai dan tandas awam turut dilengkapi dengan skrin televisyen.

Setakat tahun lalu, lebih 68,000 tandas awam telah diperbaharui iaitu kira-kira 20 peratus lebih tinggi daripada yang dijangkakan oleh negara ini.